



BANJIR kilat yang melanda di Taman Indah Jaya, Lukut semalam.

Banjir kilat gemparkan penduduk

kosmo 10/4

Oleh **AMMAR JAZLAN MAD LELA**

ammar@kosmo.com.my

PORT DICKSON – Selepas sehari kejadian hujan lebat dan angin kencang yang boleh disifatkan terburuk dalam sejarah daerah Senawang kelmarin, kini daerah Lukut pula dilanda banjir kilat.

Kejadian itu dikatakan berpunca daripada hujan lebat yang berterusan sejak pukul 3 pagi selama dua jam awal pagi semalam mengakibatkan beberapa kawasan perumahan di sekitar bandar pelancongan itu dinaiki air sedalam satu meter.

Antara kawasan perumahan yang dinaiki air ialah Taman Indah Jaya Lukut, Kampung Baru Sirusa, Kampung Bagan Pinang dan Kampung Sirusa Dalam yang melibatkan lebih 1,000 penduduk.

Keadaan air yang naik secara tiba-tiba itu telah menimbulkan sua-

sana panik di kalangan penduduk yang rata-ratanya sedang nyenyak tidur di rumah.

Penduduk mendakwa, banjir kilat yang melanda kawasan mereka berpunca daripada sistem perparitan yang tersumbat serta gagal berfungsi menampung aliran air akibat hujan lebat.

Malah, keadaan turut diburukkan lagi dengan projek jambatan Sungai Pak Mail yang sedang rancak dalam pembinaan sehingga menyebabkan air tidak dapat mengalir ke sungai terbabit.

Paling memeranjatkan, jabatan sementara yang merentangi Sungai Mail dipenuhi oleh tumbuhan-tumbuhan meliar turut menyumbang kepada banjir kilat itu.

Seorang penduduk Ishak Ahmad, 35, memberitahu, banjir kilat itu merupakan kejadian terburuk yang pernah terjadi di kawasan berkenaan

berbanding kejadian-kejadian sebelumnya.

“Sungai berhampiran tidak mampu menampung aliran air yang naik secara mendadak sehingga melimpah ke kediaman penduduk.

“Keadaan ditambah dengan sistem perparitan dan longkang yang tidak terurus dan tersumbat memburukkan lagi keadaan,” ujar beliau.

Lee Yoke Mui, 55, pula mendakwa, dia mengalami kerugian hampir RM15,000 akibat kerosakan barang-barang seperti perabot dan barangan elektrik di rumahnya.

“Saya tidak sempat buat apa-apa, air naik begitu pantas, tambahan pula ketika itu kami sekeluarga sedang nyenyak tidur.

“Tapi mujurlah tidak ada kejadian yang tidak diingini berlaku, kami semua masih dalam situasi terkejut dan tidak percaya dengan apa yang terjadi,” ujarnya.